

EMPOWERING FOOD SECURITY THROUGH WAQF. Oleh Mohamad Isa Abd Jalil. 2023.
Labuan E-Journal Of Muamalat And Society. LJMS 2023, 17(1)

Pendahuluan

Artikel jurnal ini merupakan hasil penulisan Dr Mohamad Isa Abd Jalil, Pensyarah Kanan di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia. Penulisan ini merupakan hasil kajian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental untuk *Research Acculturation of Early Career Researchers* (RACER/1/2019/SS01/UMS//1) yang disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kajian ini diterbitkan dalam Labuan E-Journal Of Muamalat And Society. LJMS 2023, 17(1). Fokus kajian ini untuk membangun dan mencadangkan model wakaf untuk sekuriti makanan meliputi ternakan dan pertanian. Model baharu FSWM (*Food Security Model Waqf*) ini dibangunkan setelah mengkaji lapan model-model wakaf dalam kajian-kajian terdahulu.

Kajian ini mengisi kelompongan dalam kajian lepas dengan menyediakan satu mekanisme penggunaan wakaf yang jelas untuk sekuriti makanan. Kajian ini turut memberi perspektif baharu kepada literatur akademik untuk memperkasa sekuriti makanan melalui instrumen wakaf. Kekuatan kajian ini kerana ia melibatkan peserta kajian dalam kalangan pakar-pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan pegawai agama. Cadangan FSWM ini akan menjadi rujukan pihak-pihak yang terlibat dalam industri pertanian dan penternakan terutama pengurus atau *mutawalli* wakaf.

Pengulas bersetuju bahawa sekuriti makanan merupakan isu yang sangat perlu diberi perhatian dan penting kerana melibatkan hak asasi setiap manusia bagi memastikan kelangsungan hidup. Cadangan menggunakan instrumen wakaf untuk menyediakan solusi kepada isu kekurangan makanan. Oleh itu, tidak hairanlah ia amat berkait rapat dengan kelaparan sifar yang merupakan agenda kedua daripada 17 agenda dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 yang perlu dicapai agar semua orang menikmati keamanan dan kesejahteraan menjelang 2030 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Kerajaan juga telah menetapkan Dasar Agromakanan Negara 2021- 2030 dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 mensasarkan pencapaian sektor agromakanan berkembang 4.5 peratus dalam tempoh RMK12 (Fazial et al., 2023).

Ulasan Artikel

Penulisan artikel 23 halaman ini dimulai dengan topik Pengenalan diikuti dengan Kajian Literatur dan topik Model-model Terdahulu. Seterusnya diikuti dengan topik Metodologi dan Memperkasa Keselamatan Makanan Melalui Model Wakaf. Topik Keputusan dan Perbincangan merupakan topik yang kelima diikuti dengan topik Implikasi Kajian dan diakhiri dengan Kesimpulan. Secara keseluruhan terdapat lapan topik, namun dalam penulisan terdapat tujuh topik sahaja kerana topik ketiga didapati ditulis secara berulang.

Dalam Bab Pengenalan penulis telah menyusun 11 perenggan dengan satu gambarajah. Penulis menghuraikan secara terperinci berkaitan kepentingan sekuriti makanan, keseimbangan terhadap krisis sekuriti makanan yang mampu mengancam penduduk dan dijangka terus meningkat dari tahun

ke tahun. Penulis juga menjelaskan definisi sekuriti makanan yang diambil daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu keadaan di mana semua penduduk mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat. Di samping itu, makanan harus mematuhi keperluan harian iaitu untuk mencapai gaya hidup aktif dan sihat. Penulis akur bahawa bekalan makanan di Malaysia masih mencukupi, namun masih bergantung terhadap import negara luar. Jelasnya, pada 2015 bil import makanan hampir mencecah RM45.4 bilion manakala eksport hanya RM27 bilion meninggalkan defisit lebih RM18 bilion. Tambahnya, sekiranya keadaan ini berterusan, Malaysia tidak dapat menyediakan bekalan makanan yang berterusan kepada rakyat dan menjangkakan krisis makanan akan berlaku pada masa hadapan. Penulis mencadangkan bagi memastikan sekuriti makanan terjamin, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) perlu bekerjasama untuk meningkatkan pengeluaran makanan ruji melalui penggunaan bioteknologi pertanian serta meningkatkan pelaburan di kawasan luar bandar bagi membantu golongan petani.

Penulis sedar krisis sekuriti makanan dalam industri padi dan beras negara, namun tidak menfokuskan kepada industri ini dalam kajian yang dijalankan. Krisis bekalan beras pada 2007-2008 yang telah menimbulkan implikasi serius terhadap sekuriti makanan khususnya Malaysia kerana sangat bergantung kepada bekalan import. Dalam masa yang sama permintaan beras terus meningkat tanpa diimbangi dengan pengeluaran komoditi tersebut. Merujuk gambar rajah, penulis mendedahkan jurang yang semakin ketara antara penggunaan dan pengeluaran beras Malaysia. Justeru penulis mencadangkan perlu diadakan satu perancangan khusus bagi memastikan kestabilan makanan kepada masyarakat terus terpelihara pada masa akan datang.

Setelah menjelaskan isu-isu yang berlaku dalam sekuriti makanan, penulis mula memperkenalkan instrumen wakaf dalam pertanian dengan mengemukakan contoh Universiti al-Azhar Mesir yang mempunyai 15,000 ekar tanah ladang wakaf, projek wakaf 'dapur sup' di Baitul Maqdis pada zaman Kesultanan Uthmaniyyah, wakaf Perigi Ar-Rumah yang menjadi sumber air di Madinah dan lain-lain lagi. Penulis turut menegaskan amalan wakaf turut diamalkan di Tanah Melayu sejak Islam mula tersebar. Selepas kemerdekaan pentadbiran wakaf dikawal sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri. Penulis mengakhiri bab pengenalan dengan menyimpulkan bahawa walaupun terdapat kajian wakaf makanan, mekanisme ini walau bagaimanapun tidak jelas sumbangannya dalam sekuriti makanan dan kelestariannya. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada *mutawalli* wakaf dalam melaksanakan waqf tanaman dan ternakan.

Selepas Bab Pengenalan, penulis membincangkan tentang kajian literatur dengan hanya satu sub-topik sahaja iaitu Sekuriti Makanan dan Kelestariannya. Jelasnya, kajian-kajian lepas berkaitan sekuriti makanan telah dihuraikan dalam pelbagai perspektif termasuk sains makanan, ekonomi dan pertanian. Kajian mendapati pelaburan dalam bidang pertanian yang rendah di Malaysia telah menyebabkan pengeluaran makanan yang perlahan dan ini mungkin menyebabkan Malaysia tidak mampu mencapai tahap sara diri yang disasarkan. Keadaan ini boleh dielakkan jika penekanan diberikan dari aspek penyelidikan dan pembangunan bagi menangani kekangan pengeluaran termasuk ancaman perubahan iklim. Terdapat kajian tahun 2020 yang mendapati masih kurang kesedaran untuk menguasai teknologi baru dalam industri tanaman yang terbukti dapat meningkatkan produktiviti. Begitu juga polisi sekuriti makanan dan kelestariannya yang masih diguna pakai oleh banyak negara menghadapi permasalahan yang kompleks melibatkan pengaruh politik dan isu etika.

Bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam sekuriti makanan, penulis telah memetik kajian tahun 2012 yang mencadangkan cara penyelesaian terbaik melalui instrumen wakaf. Namun perlu dititikberatkan operasi wakaf tersebut hendaklah diurus secara profesional terutama dari aspek agihan bagi mengelakkan penyalahgunaan dana wakaf. Sekuriti makanan mestilah menjamin makanan yang mencukupi dari segi kualiti dan kuantiti serta boleh diperolehi pada bila-bila masa sahaja untuk penggunaan harian setiap orang. Secara keseluruhan Bab Literatur telah menyimpulkan dapatan daripada 22 rujukan bermula tahun 2010 hingga 2021.

Bagi memantapkan kajian penulis telah mengkaji lapan model wakaf terdahulu seperti berikut:

1. Model Cadangan Shafiai MHM, Moi MR & Ahmad R (2015). Model wakaf ini menfokuskan kepada pembangunan tanah terbiar menggunakan aset wakaf serta pentadbiran wakaf bagi membangunkan tanah terbiar.
2. Model cadangan Babatunde JH, Nulambeh NA, Ibrahim T, Harun MY & Sanoh MH (2015). Model wakaf ini menfokuskan kepada penggunaan dana wakaf tunai dari baitulmal bagi menubuhkan syarikat ternakan ayam. Pihak syarikat menggunakan akad mudarabah bagi menggunakan dana wakaf tunai untuk operasi syarikat termasuk penternakan ayam, pemprosesan ayam, proses agihan, pengurusan sehingga kepada proses jualan kepada syarikat korporat atau perniagaan rucit.
3. Model cadangan Moh'd IS, Omar Mohamad M, & Siti B (2017). Model wakaf ini melibatkan wakaf tanah kepada petani untuk dibangunkan. Dana pembangunan tanah diperolehi daripada syarikat korporat menggunakan akad muzara'ah bagi kos-kos berkaitan logistik, baja, biji benih, pengangkutan, latihan, khidmat nasihat dan penyelidikan. Keuntungan akan dibahagikan antara petani dan syarikat korporat.
4. Model cadangan Allah Pitchay A, Mohd Thas MA, Mydin AA, Azhar Z & Abdul Latif AR (2018). Model ini mencadangkan pelaksanaan hibrid koperasi-wakaf untuk membiayai tanah wakaf terbiar di Malaysia. Pada masa yang sama menyuntik pelaburan pertanian melalui wakaf tunai.
5. Model cadangan Wildana MDA, Alhabsi SMSJ (2018). Model ini mencadangkan rangka kerja wakaf dalam sekuriti makanan bagi menjaga kestabilan harga beras di Indonesia. Model ini memperkenalkan empat akad yang boleh digunakan dalam pembiayaan industri padi dan beras iaitu *muzara'ah*, *musyarakah*, *mudharabah*, *ijarah dan salam*.
6. Model cadangan Hossain I, Muhammad AD, Jibril BT, Kaitibi S (2019). Model ini mencadangkan dana zakat digunakan bagi membantu kewangan petani di Bangladesh untuk penghasilan makanan asasi dengan menggunakan kontrak salam.
7. Model cadangan Mar Iman AH, Muhammad MTS (2020). Model ini meneroka mekanisme wakaf ternakan khususnya unta, lembu, kerbau, biri-biri dan kambing.
8. Model cadangan Bilal Khan M, Ahmad Ghafoozsai S, Patel I, Mohammed Shehbaz D (2021). Model ini menggunakan fintech sebagai inisiatif pembiayaan jangka pendek dan jangka panjang. Penggunaan dana wakaf secara telus dapat diwujudkan bagi memastikan ketirisan pada setiap proses pembangunan pertanian.

Setelah diteliti daripada lapan model wakaf dalam sekuriti makanan yang dinyatakan di atas, hanya dua jenis wakaf yang terlibat iaitu wakaf tunai dan wakaf tanah. Justeru, penulis mencadangkan model wakaf untuk sekuriti makanan yang diberi nama Model Wakaf Sekuriti Makanan (Food Security Wakaf Model - FSWM). Penghasilan FSWM adalah melalui metodologi yang tersusun menggunakan teknik kualitatif. Data diambil daripada temubual pakar pelbagai institusi yang dipilih berdasarkan latar belakang pendidikan, bidang kepakaran serta pengalaman kerja. Mereka terdiri

daripada i) Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Wakaf Malaysia, ii) Pensyarah kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, iii) Pengarah, Pejabat Mufti Negeri Sabah, iv) Pegawai Hal Ehwal Islam, WAZAN UPM dan v) Profesor Madya, Universiti Utara Malaysia. Strategi pemilihan pakar dilakukan melalui persampelan bertujuan dengan dikira menggunakan ketepuan teori. Transkrip temu bual dianalisis dengan melabelkan teks mengikut kod serta dibangunkan tema sebelum digabungkan menjadi idea-idea yang berhubung. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini menggunakan beberapa prosedur analisis tematik sehingga berjaya mencadangkan FSWM.

FSWM merupakan model yang menyediakan rangka kerja wakaf untuk membiayai dan memperkasakan sekuriti makanan. Model ini melibatkan penyertaan orang ramai, petani dan penternak, syarikat korporat, Baitul Mal serta pihak kerajaan. FSMW dibahagikan kepada empat fasa iaitu i) pengumpulan dana, ii) pengeluaran, iii) pengedaran serta iv) keuntungan dan penjaan semula.

Fasa pertama FSMW ialah fasa pengumpulan dana dan aset melalui wakaf istibdal, wakaf tunai, sokongan kerajaan serta pelaburan korporat. Pada fasa ini Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berperanan untuk membangunkan tanah-tanah wakaf yang terbiar menggunakan wakaf istibdal. Ini adalah kerana kebanyakan tanah wakaf di Malaysia adalah untuk membina masjid dan tanah perkuburan. Manakala wakaf tunai digunakan untuk pembinaan infrastruktur dan pembelian peralatan pertanian dan ternakan. Pelaburan korporat pula menyediakan kewangan serta kepakaran menggunakan kontrak *Muzara'a*, *al-Musaqa*, *mukhabarah*, *mudharabah*, *musyarakah* dan *ijarah*.

Dana yang diperolehi dari fasa pertama, diuruskan dalam fasa kedua FSMW untuk menghasilkan makanan setelah dibuat penyelidikan serta menggunakan teknologi terkini. Fasa ini juga akan menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan terutama generasi muda. Manakala fasa ketiga FSWM merupakan fasa pengagihan makanan kepada pihak Baitul Mal serta jualan kepada pasaran luar sama ada sebagai pembekal, pemborong atau peruncit. Memandangkan bahan makanan yang tidak tahan lama, pihak Baitul Mal akan menyimpan makanan sebagai stok untuk diedarkan kepada asnaf pada waktu-waktu yang bersesuaian. Fasa akhir FSMW merupakan kutipan hasil keuntungan yang dijana daripada jualan di pasaran akan disalurkan semula kepada dana wakaf dan pelaburan korporat. Projek ini juga membuka ruang wakaf tunai baharu untuk memajukan lagi projek yang sedia ada.

Dalam bab Keputusan dan Perbincangan, penulis membahagikan kepada lima sub-topik yang selari dengan lima soalan dengan tema yang berbeza iaitu i) kesesuaian model, ii) kepatuhan undang-undang, iii) kebolehlaksanaan model, iv) cadangan dan v) sokongan. Secara keseluruhan semua peserta kajian menyatakan kesesuaian konsep wakaf digunakan untuk sekuriti makanan. Mereka juga mengakui bahawa FSWM telah menepati undang-undang wakaf dalam Islam serta boleh dilaksanakan. Mereka turut berpandangan FSWM boleh dilaksanakan kerana model ini mempunyai struktur yang baik dan tersusun. Semua peserta kajian tidak membuat cadangan khusus berkaitan penambahan atau pengurangan dalam model FSWM, walau bagaimanapun cadangan-cadangan diberikan untuk pelaksanaan FSWM pada masa hadapan. Semua peserta kajian menyokong model FSWM untuk dilaksanakan dan dipercayai akan mendapat sokongan daripada pembuat polisi. Kesimpulannya kesemua pakar memperakukan cadangan FSWM dari segi kesesuaian, kebolehlaksanaan dan kepatuhan undang-undang.

Namun pada pandangan pengulas, kajian terhadap kepatuhan undang-undang hanya difokuskan kepada undang-undang wakaf dalam Islam. Kajian ini tidak merangkumi dari aspek undang-undang wakaf di Malaysia. Menurut Shamshuddin et al., (2020) setakat ini hanya negeri Selangor sahaja yang mempunyai undang-undang khusus untuk wakaf iaitu Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 7/1999. Ketiadaan enakmen khusus ini bagi negeri-negeri lain menyebabkan tiada perincian tentang tatacara pengurusan dan pentadbiran wakaf. Perkara ini akan menimbulkan ketidakselarasan undang-undang wakaf di peringkat negeri di Malaysia yang menimbulkan kekangan untuk menyelaraskan penguatkuasaan wakaf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tambahnya, keadaan ini menyumbang kepada kelembapan perkembangan dan pembangunan harta wakaf termasuk wakaf tunai.

Penulis kemudiannya membincangkan implikasi kajian iaitu model FSWM yang berpotensi mengisi gap dalam bidang wakaf makanan. FSWM yang meliputi kesemua aspek pengeluaran makanan berasaskan wakaf boleh digunakan oleh pemegang amanah wakaf yang berkenaan dengan penambahan seksyen-seksyen yang difikirkan perlu. Hasil kajian ini dijangka dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan dasar-dasar kerajaan serta penentuan pihak yang bertanggungjawab.

Penulis menjelaskan antara kekangan kajian yang dijalankan ini adalah dari aspek pemilihan panel atau peserta kajian. Kajian pada masa hadapan dicadangkan untuk melibatkan pakar dari kalangan pengusaha pertanian dan penternakan. Kajian ini diharapkan dapat maklumbalas masyarakat umum kerana mereka boleh terlibat sebagai penyumbang dana dan pengguna produk akhir. Penulis menyatakan harapan untuk melihat kajian pelaksanaan FSWM bagi mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang ada bagi tujuan penambahbaikan. Penulis membuat kesimpulan bahawa kajian ini telah berjaya menyediakan model FSWM yang telah sedia untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, terdapat saranan daripada peserta kajian dari segi keberkesanan pelaksanaannya. Ada yang mencadangkan keperluan syarat dan pemilihan mutawalli dan pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan haruslah diperincikan. Pengulas juga bersetuju dengan cadangan pakar bagi menentukan pemilihan mutawalli atau pengurus projek. Pemilihan mutawalli merupakan penentu kejayaan atau kegagalan projek. Selain daripada mutawalli yang bijak mengurus, sifat amanah dan bertanggungjawab serta mempunyai jiwa usahawan juga merupakan kriteria yang penting sebagai mutawalli yang cemerlang

Cadangan lain daripada pakar ialah mewujudkan SOP serta kaedah pelaporan yang jelas. Omar (2023) menyatakan kurangnya ketelusan dan tiada pelaporan dalam pengurusan dana wakaf menyebabkan mudah berlaku penyelewengan dan ketidakcekan. Maka dicadangkan model ini menyediakan satu sistem yang telus dalam pengurusan dana seperti teknologi rantai blok seperti yang dicadangkan oleh Muhammad Izzat & Muhammad Hakimi (2022). Selain itu, prosedur operasi yang seragam pada setiap fasa juga perlu diperincikan bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, daripada aspek aturan persembahan perbincangan didapati ianya telah dilakukan dengan cara yang tersusun seperti penulisan jurnal. Kelebihan artikel ini terletak kepada pembangunan model baharu berkaitan dengan wakaf dalam sekuriti makanan yang ringkas tetapi padat. Kajian ini telah memberi momentum akademik tambahan dalam bidang wakaf. Artikel ini disusun secara sistematik supaya pembaca dapat memahami setiap elemen dalam perbahasan dengan menghuraikan model-model terdahulu sebagai asas pembinaan model baharu. Penulis juga menjelaskan metodologi kajian dengan terperinci termasuk senarai pakar yang terpilih sebagai peserta kajian. Dapatan kajian juga dibincangkan secara jelas. Sebagaimana penulis, pengulas juga mengharapkan model FSWM ini dapat dilaksanakan untuk mencapai objektifnya, dan bukan sekadar kajian di atas kertas semata-mata. Isu sekuriti makanan perlu diambil perhatian dan memerlukan tindakan drastik hari ini agar kita lebih bersedia pada masa hadapan.

Rujukan

- Fazial, F., Abdullah, S. R., Kasim, N. H., Abu Bakar, A. Y., & Abdul Hamid, S. A. (2023). Keterjaminan Makanan Di Malaysia The Potential Of Agricultural Waqf For Ensuring Food Sustainability In Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(32), 113–123. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.832010>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Malaysia 2019*.
- Muhammad Izzat, M., & Muhammad Hakimi, M. S. (2022). Gabungan Kontrak Pertanian Kewangan Sosial Islam Dengan Teknologi Rantaian Blok: Pendanaan Awam Wakaf. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(2), 51–66. <https://doi.org/10.55057/jdpg.2022.4.2.4>
- Omar, A. (2023). Kepentingan Tadbir Urus yang Lestari dalam Pengurusan Wakaf: Cabaran Semasa. *Persidangan Wakaf Madani 2023*.
- Shamshuddin, H., Alma'Amun, S., & Ahmad, R. (2020). Yayasan Wakaf Antarabangsa (YWA) di Bawah Pusat Kewangan Pesisir Pantai Labuan: Cadangan Model Penubuhan Berdasarkan kepada Peruntukan Perundangan. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 3(1), 30–43. <http://ijiefer.kuis.edu.my/ircief/article/view/10>

Hasliza Talib
Nurhayati Abdul Ghani
Universiti Islam Selangor